



BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MEDIA SOSIAL RASMI

UNTUK PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN

TIP-TIP YANG PERLU DIKETAHUI



Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

MEDIA SOSIAL RASMI

UNTUK PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN

TIP-TIP YANG PERLU DIKETAHUI

Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
2017

Penasihat
Datuk Dr Noor Aliyah Binti Ismail

Editor
Dr Sharol Lail Sujak
Dr Akmal Khalis Doreyat

Edisi Pertama 2017

@Program Kesihatan Pergigian KKM
Hak cipta terpelihara, tiada bahagian dari
terbitan ini boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam apa jua bentuk mekanikal
atau elektronik kecuali setelah mendapat
kebenaran penerbit

Pengkatalogan
Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

MEDIA SOSIAL RASMI UNTUK PROMOSI KESIHATAN

PERGIGIAN : TIP-TIP YANG PERLU DIKETAHUI

Editor Dr Sharol Lail Bin Sujak, Dr Akmal Khalis Doreyat - First Edition

ISBN 978-967-12079-4-9

1. Social media. 2. Dental health education.
3. Teeth--Care and hygiene. 4. Digital media--Social aspects.
I. Sharol Lail Sujak, Dr. II. Akmal Khalis Doreyat, Dr.
302.231

Diterbitkan oleh,

Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 5, Blok E10, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel: 603 - 88834215
Faks: 603 - 88886133
Email: ohd@moh.gov.my
Website: <http://ohd.moh.gov.my>
Facebook: www.facebook.com/pergigiankkm
Blogspot: www.ohdmoh.blogspot.com

K A N D U N G A N

- iv SEKAPUR SIRIH
- 1 PENGENALAN
- 2 OBJEKTIF PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL
- 3 STRATEGI PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL
- 4 PENGURUSAN MEDIA SOSIAL
- 5 PEMILIHAN KANDUNGAN MEDIA SOSIAL
- 6 PENGURUSAN LAMAN FACEBOOK
- 12 PENGURUSAN SALURAN YOUTUBE
- 14 PENGURUSAN LAMAN BLOG
- 18 PENGURUSAN AKAUN INSTAGRAM
- 22 LAPORAN MEDIA SOSIAL RASMI
- 23 PENUTUP
- 24 RUJUKAN
- 25 PENGHARGAAN



SEKAPUR SIRIH

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

"Dunia kini di hujung jari" merupakan satu ungkapan yang sangat sesuai dengan kemajuan teknologi maklumat pada masa kini. Kepesatan perkembangan teknologi maklumat terutamanya medium komunikasi telah merubah gaya hidup masyarakat kini. Media sosial merupakan contoh medium komunikasi yang pesat berkembang dan kini merupakan elemen penting dalam penyampaian maklumat.

Sejajar dengan itu, selaku anggota Bahagian Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia penguasaan ilmu dalam menggunakan media sosial adalah sangat penting dalam penyampaian maklumat dengan lebih berkesan.

Jadi tepat pada masanya buku Media Sosial Rasmi Untuk Promosi Kesihatan Pergigian ini diwujudkan

sebagai satu panduan kepada anggota-anggota Bahagian Kesihatan Pergigian untuk menggunakan media sosial dalam Promosi Kesihatan Pergigian.

Adalah diharapkan agar buku ini dapat memberikan manfaat kepada anggota-anggota Bahagian Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia terutamanya dalam menaikkan lagi tahap produktiviti Promosi Kesihatan Pergigian.

Sekian, terima kasih.

Datuk Dr Noor Aliyah Binti Ismail
Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengenalan

Media sosial merujuk kepada saluran komunikasi dalam talian yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan mudah secara bebas, berkongsi dan membincangkan maklumat dengan menggunakan gabungan media yang terdiri daripada teks, gambar, video dan audio. Facebook, Twitter, Instagram, Youtube, Blog adalah contoh media sosial yang paling umum digunakan oleh masyarakat di seluruh dunia.

Promosi kesihatan pergigian pula merujuk kepada aktiviti-aktiviti dalam menggalakkan kesihatan pergigian yang lebih baik untuk masyarakat. Promosi kesihatan pergigian boleh dilakukan dalam pelbagai cara dan medium seperti ceramah, boneka untuk kanak-kanak, artikel dalam media massa, maklumat-maklumat yang disampaikan melalui media sosial dan sebagainya.

Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat yang semakin pesat, promosi kesihatan pergigian perlu melakukan perubahan paradigma dalam penyampaian maklumat.

Mengikut kajian terkini, masyarakat lebih bergantung kepada media sosial dalam

mendapatkan maklumat-maklumat. Sehubungan dengan itu, promosi kesihatan pergigian perlulah menggunakan peluang ini sebaik mungkin.

Penguasaan ilmu yang betul dalam pengendalian media sosial boleh menjadikan individu / kumpulan lebih berpengaruh. Sebagai contoh, Alibaba.com, Amazon dan lain-lain yang hanya menggunakan platform media sosial dalam menjalankan perniagaan mereka sehingga berjaya merubah gaya dan cara membeli belah dalam kalangan masyarakat dunia.

Sehubungan dengan itu, penguasaan ilmu media sosial yang betul adalah sangat penting dalam promosi kesihatan pergigian kerana dengan menggunakan pelantar media sosial, mesej dan maklumat dapat disampaikan dengan lebih cepat dan berkesan.

Buku ini adalah sebagai panduan kepada anggota-anggota Bahagian Kesihatan Pergigian dalam menggunakan media sosial untuk Promosi Kesihatan Pergigian. Walaubagaimanapun anggota-anggota perlulah juga mematuhi segala etika, akta dan undang-undang yang berkaitan.

OBJEKTIF PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN

1. Menyebarkan informasi terkini dengan mudah, pantas, dan percuma.
2. Sebagai medium komunikasi untuk membolehkan pelanggan berinteraksi secara bebas, berkongsi dan membincangkan maklumat.
3. Untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan pengguna berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh Bahagian Kesihatan Pergigian.



STRATEGI PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN

Dalam menggunakan media sosial dalam promosi kesihatan pergigian, beberapa strategi perlulah digunakan. Antara strategi-strategi tersebut ialah:

1. Mengetahui objektif penyebaran maklumat, seperti:

- Kempen Kesedaran
- Pengiklanan
- Promosi perkhidmatan/rawatan
- Kepimpinan
- Pelaporan isu

2. Mengetahui golongan sasaran dalam penyampaian maklumat seperti :

- Kanak-kanak
- Remaja
- Orang dewasa
- Warga emas
- Ibu mengandung

3. Mempelbagaikan jenis media sosial tidak terhad kepada satu medium.

4. Memuat naik kandungan informasi pada waktu yang bersesuaian. Kajian menunjukkan waktu paling sesuai untuk

muatnaik adalah pada hari Sabtu jam 1-2 petang.

5. Penggunaan ayat mengikut peringkat umur dan taraf pendidikan.

6. Mengemas kini maklumat secara berkala, contohnya, memuat naik dua bahan setiap hari.

7. Melakukan penilaian dan pemantauan laman media sosial pilihan.

8. Melaksanakan penilaian menggunakan laporan media sosial untuk penambahbaikan.

9. Mewujudkan KPI; sebagai contoh, sasaran pengikut (likes) sebanyak 1000 sebulan.

10. Mereka kandungan artikel/bahan untuk menarik lebih ramai pembaca dan menyampaikan mesej dengan lebih berkesan.

PENGURUSAN MEDIA SOSIAL DALAM PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN

Beberapa aspek perlulah dititikberatkan dalam menguruskan media sosial dalam promosi kesihatan pergigian. Antara aspek-aspek yang penting adalah:

1. Pentadbir laman media sosial

- Ketahui jenis pelantar media sosial yang digunakan sebelum memuat naik bahan.
- Jumlah pentadbir disarankan agar tidak melebihi dua orang bagi setiap jenis pelantar media sosial namun perlu jugalah bergantung kepada keperluan sesuatu organisasi.
- Pembahagian tugas kepada pegawai promosi bergantung pada keperluan, sebagai contoh tugas audio visual, tugas memuat naik informasi, dan sebagainya.
- Tetapkan hala tuju Jabatan dengan meletakkan sasaran contohnya jumlah like dan share yang tinggi.

2. Pemilihan bahan untuk di muat naik

- Bahan tentang isu semasa seperti laporan kes pendakap gigi palsu.

- Pengumuman-pengumuman penting yang terkini seperti kenyataan media oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Memuat naik bahan mengikut kategori sasaran seperti jantina, golongan sasaran dan demografi.

3. Pemantauan komen (negatif & positif)

- Pemantauan secara berkala, konsisten dan sentiasa memberi maklumbalas awal kepada komen yang diterima.
- Memberitahu kaedah/saluran yang betul dalam menyampaikan aduan.
- Memberi maklumbalas positif sekiranya berbentuk penghargaan dan mengucapkan “terima kasih”.

4. Pemantauan mesej persendirian

- Menjawab pertanyaan dengan segera.
- Mengambil maklum dan tindakan sekiranya ia berbentuk aduan.

PEMILIHAN KANDUNGAN MEDIA SOSIAL

Kriteria-kriteria bahan yang ingin dimuatnaik dalam media sosial dalam promosi kesihatan pergigian adalah seperti berikut:

1. Pengesahan Maklumat

Maklumat yang hendak dimuatnaik perlu ditentukan ketepatan dan kesahihannya.

2. Muat Naik Bahan

Bahan rasmi perlu disemak, dan mendapat pengesahan/kelulusan daripada Ketua Jabatan/Pegawai Media Sosial yang dilantik.

3. Perbincangan Awam

Setiap komen/pernyataan atau maklumat diberi perhatian untuk menjaga imej dan rahsia kerajaan.

4. Tanggungjawab

Setiap Pegawai Media Sosial adalah bertanggungjawab keatas sebarang maklumat, data, rekod, audio, video dan visual di laman sosial yang dimuatnaik.



PENGURUSAN LAMAN RASMI FACEBOOK



Pengenalan

Facebook ialah sebuah tapak web rangkaian sosial yang dikendali dan dimiliki secara persendirian oleh Facebook, Inc. Sejak 2006, sesiapa yang berumur 13 tahun ke atas dan memiliki alamat e-mel yang sah boleh menjadi pengguna Facebook. Pengguna boleh menambah rakan dan saling menghantar mesej, serta mengemaskini profil peribadi mereka sebagai makluman kepada rakan-rakan.

Nama Facebook berasal daripada timangan yang digunakan untuk buku-buku yang diserahkan oleh pihak pentadbiran universiti kepada para penuntut pada permulaan tahun akademik di AS dengan tujuan membantu penuntut saling mengenali. Facebook diasaskan oleh Mark Zuckerberg bersama Eduardo Saverin, Dustin Moskovitz dan Chris Hughes. Kini, Facebook mempunyai lebih 400 juta pengguna aktif.

Nama Laman Facebook

Nama laman Facebook merupakan elemen terpenting dalam memperkenalkan jabatan kepada pengguna-pengguna laman sosial. Bagi menyeragamkan nama tersebut setiap jabatan perlu menggunakan nama yang sama iaitu:

1. Bagi setiap negeri, nama yang perlu digunakan ialah Bahagian Kesihatan Pergigian (Nama Negeri)
2. Bagi Pusat Pergigian Kanak-kanak dan Kolej Latihan Pergigian Malaysia, nama yang perlu digunakan ialah Pusat Pergigian Kanak-kanak dan Kolej Latihan Pergigian Malaysia
3. Bagi setiap daerah atau bahagian, nama yang perlu digunakan ialah Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah (Nama Daerah / Bahagian/ Kawasan)
4. Bagi setiap klinik pergigian, nama yang perlu digunakan ialah Klinik Pergigian (Nama Klinik)



Gambar Profil

Gambar profil dalam sesuatu laman Facebook merupakan imej atau gambar yang melambangkan identiti dan pemilik akaun / laman Facebook tersebut. Untuk menyeragamkan semua laman Facebook, logo Jabatan perlulah dijadikan sebagai gambar profil.

Cover Image

Cover image merupakan imej atau gambar yang lebih besar yang diletakkan di atas ruangan gambar profil dan sering digunakan untuk menggambarkan sesuatu acara / program besar di Jabatan. Ianya perlu ditukar mengikut kesesuaian aktiviti terkini dan mengikut format yang ditetapkan di samping menjaga imej korporat dan profesionalisma Jabatan. Format cover image yang ditetapkan adalah seperti berikut:

1. Jika menggunakan cover image rasmi yang direka sendiri oleh pengendali laman, cover image tersebut perlu

diletakkan dengan logo-logo rasmi seperti logo KKM, Logo BKP KKM dan Logo Pergigian Negeri / Jabatan Kesihatan Negeri.

2. Jika menggunakan cover image sedia ada (daripada sumber internet), tidak perlu diletakkan apa-apa logo.

Ruangan 'About'

Ruangan ini adalah medan untuk menceritakan dan menerangkan secara ringkas dan menarik tentang Jabatan. Untuk tujuan penyelarasan, perkara-perkara di bawah perlu diisi oleh pengendali laman secara seragam:

1. Ruangan 'Category'

Government Organisation, Company & Organisations

2. Ruangan 'Sub Category'

Dentist, Public services, government organisations

3. Ruangan 'Description'

Semua pengendali laman sosial Jabatan



perlu mengisi ruangan ini dengan perkara-perkara berikut:

- Tema / Moto
- Latar belakang organisasi
- Jenis perkhidmatan kesihatan pergigian yang disediakan
- Visi dan misi jabatan
- Maklumat / link laman sosial lain
 - Official Website
 - Official FB Page ID
 - Official Blog

Muatnaik Bahan

1. Antara kandungan bahan yang disarankan untuk dimuatnaik adalah seperti berikut:

- Artikel (keratan akhbar dan majalah dan jurnal)
- Gambar (aktiviti promosi pergigian berkaitan)
- Bahan-bahan infografik dan poster
- Video (pendidikan kesihatan dan promosi, teaser dan rangkuman selepas sesuatu program)
- Iklan atau testimoni
- Pengumuman dan penghargaan.

2. Fungsi 'Share'

- Maklumat atau artikel yang diterbitkan di Laman Facebook Rasmi KKM / Bahagian Kesihatan Pergigian KKM perlu dikongsi pada laman Facebook Jabatan.
- Maklumat atau artikel yang ingin dikongsi perlulah dipastikan kesahihannya terlebih dahulu atau telah mendapat pengesahan daripada Ketua Jabatan / Pegawai Media Sosial untuk menjaga imej dan integriti Jabatan.

Masa dan Kekerapan Muatnaik Bahan

Bagi memastikan laman Facebook jabatan sentiasa dikemaskini, masa muatnaik yang dicadangkan haruslah pada seawal pukul 8 pagi. Pada tengahari pula masa yang dicadangkan adalah pada jam 12 hingga 2 petang iaitu pada waktu rehat pejabat manakala pada sebelah petang adalah pada jam 5 petang dan ke atas dengan kekerapan muatnaik sekurang-kurangnya 1-2 kali dalam tempoh 2 hari.



Cara Penulisan

Sesuatu penulisan perlu dimulakan dengan tajuk diikuti dengan pengenalan, isi dan penutup.

1. Tajuk

Mestilah ditulis dalam huruf besar sepenuhnya (Uppercase) dan ditulis dengan ayat yang mampu menarik perhatian pembaca.

2. Isi

- Ayat yang ditulis perlulah ringkas dan mudah difahami serta menceritakan artikel / program dengan penggunaan susunan bahasa yang sesuai dengan peringkat umur dan kumpulan sasaran.
- Penulisan hendaklah dilakukan dengan teknik berkesan (menyentuh emosi dan berhikmah) untuk lebih menarik perhatian pembaca untuk membaca kandungan seterusnya.
- Jika menulis maklumat berkaitan sesuatu program, ianya perlulah disertakan maklumat yang tepat

seperti tarikh, tempat dan nama kenamaan yang terlibat.

- Elakkan menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menjejaskan imej Jabatan.

3. Membuat sedikit rumusan yang ringkas berkenaan artikel sebagai penutup.

Gambar yang ingin dimuatnaik

Gambar adalah satu elemen yang sangat penting dalam menarik perhatian pembaca untuk membuka laman Facebook. Kriteria-kriteria gambar yang menarik adalah :

1. Berkualiti dan menarik

- Gambar yang diambil menggunakan kamera atau telefon bimbit, perlulah berkualiti, jelas (tidak kabur dan mempunyai pencahayaan yang cukup) dan mempunyai komposisi yang menarik dan kreatif.
- Gambar yang dimuatnaik juga perlulah menjaga imej individu dan jabatan.
- Jika ingin memuatnaik gambar-



gambar pesakit / proses rawatan perlulah mendapat kebenaran bertulis daripada pesakit dan direkodkan.

- Gambar-gambar peribadi dan perkara-perkara sulit (surat, maklumat pesakit, pekeling dan dokumen rasmi) adalah dilarang untuk dimuatnaik.
- Tidak dibenarkan untuk memuatnaik gambar-gambar yang tidak berkaitan dengan tugas harian (gambar swafoto dan jamuan makan)

2. Bilangan gambar

Proses memilih gambar perlulah dilakukan dengan teliti. Dicadangkan supaya tidak memuatnaik gambar yang terlalu banyak kerana dikhuatiri pengguna tidak akan melihat gambar-gambar tersebut dan supaya hanya kualiti gambar yang dititik beratkan dan bukannya kuantiti.

3. Cara muatnaik gambar

Jika gambar yang ingin dimuatnaik adalah dalam kuantiti yang banyak (lebih daripada 1 gambar) dan berkaitan dengan satu aktiviti / program yang sama dicadangkan supaya ianya dimuatnaik dalam bentuk album supaya pengurusan penyimpanan di arkib adalah lebih teratur.





Tip-tip Pengurusan Laman Facebook

1. 'Invite' rakan di Facebook.
2. Minta rakan untuk 'Invite' rakan lain.
3. Menyediakan jadual muatnaik bahan dan mengikut jadual tersebut.
4. Tanya soalan untuk menarik pengguna Facebook lain.
5. Post pada waktu-waktu yang sesuai untuk menarik ramai pengguna Facebook membaca post tersebut.
6. Adakan peraduan Facebook untuk memeriahkan lagi laman Facebook.
7. Gunakan Facebook Ads untuk mempromosi laman Facebook.



PENGURUSAN SALURAN YOUTUBE



Pengenalan

'Youtube' merupakan satu kaedah infotainment yang menarik dan boleh digunakan dalam penyampaian mesej kesihatan pergigian. Melalui statistik yang dijalankan kategori 18-34 tahun merupakan golongan yang paling kerap melayari media sosial 'Youtube'.

Nama Saluran Youtube

Nama saluran Youtube merupakan elemen terpenting dalam memperkenalkan jabatan kepada pengguna-pengguna laman sosial. Bagi menyeragamkan nama tersebut setiap jabatan perlu menggunakan nama yang sama iaitu:

1. Bagi setiap negeri, nama yang perlu digunakan ialah Bahagian Kesihatan Pergigian (Nama Negeri)
2. Bagi Pusat Pergigian Kanak-kanak dan Kolej Latihan Pergigian Malaysia, nama yang perlu digunakan ialah Pusat Pergigian Kanak-kanak dan Kolej Latihan Pergigian Malaysia

3. Bagi setiap daerah atau bahagian, namayang perlu digunakan ialah Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah (Nama Daerah/ Bahagian/ Kawasan)

4. Bagi setiap klinik pergigian, nama yang perlu digunakan ialah Klinik Pergigian (Nama Klinik)

Tajuk Video

Menggunakan huruf besar bagi setiap huruf pertama bagi setiap perkataan. Contoh: Jom Gosok Gigi. Penggunaan kata kunci yang sesuai seperti #gigi #gosokgigi #jomgosokgigi.

Kategori-kategori Video yang Perlu Dimuatnaik.

- Video Korporat
- Informasi-informasi kesihatan pergigian
- Program-program promosi kesihatan pergigian
- Isu-isu semasa
- Apa kata pakar?
- Kursus-kursus dan latihan-latihan



Masa dan Kekerapan Muatnaik Bahan

Sekurang-kurangnya tiga video dimuatnaik dalam masa setahun secara konsisten. Bagi memastikan saluran Youtube Jabatan sentiasa dikemaskini, masa memuatnaik video yang dicadangkan haruslah pada seawal pukul 8 pagi. Pada tengahari pula masa yang dicadangkan adalah pada jam 12 hingga 2 petang iaitu pada waktu rehat pejabat manakala pada sebelah petang adalah pada jam 5 petang.

Purata Durasi Video Muatnaik

Video yang ingin dimuatnaik hendaklah tidak terlalu lama untuk mengelakkan orang yang menonton video tersebut menjadi bosan. Purata durasi video yang ingin dimuat naik adalah dicadangkan selama 2 minit agar tidak terlalu meleret.

Tip-tip Pengurusan Saluran Youtube

1. Video perlu dimuatnaik ke Youtube terlebih dahulu dan kemudiannya dipautkan ke media sosial yang lain seperti Facebook, Instagram dan lain-lain.
2. Pastikan hanya satu video asal dimuatnaik supaya tidak berlakunya pertindihan muat naik video yang sama.
3. Mengharuskan 'subscribe' bahagian-bahagian dan unit-unit di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.
4. Digalakkan menghasilkan video yang mensasarkan lingkungan golongan umur 18-34 tahun kerana mereka kerap menggunakan Youtube.

PENGURUSAN LAMAN BLOG



Pengenalan

Definisi blog (singkatan untuk web log dalam bahasa Inggeris) ialah suatu media online yang kandungannya dipapar mengikut turutan kronologi dalam tertib terbalik di mana maklumat terkini berada di atas. Kandungan blog melibatkan teks, imej, audio/video, dan pautan kepada blog-blog serta laman web lain yang berkaitan.

Blog merupakan media interaktif maya yang sangat berkesan bagi tujuan menjayakan sesuatu forum perbincangan, menyampaikan idea, pandangan, membuat aduan, mengemukakan komen, cadangan atau penambahbaikan.

Laman Utama

Di dalam laman utama, perlulah diletakkan segala informasi dan pengenalan kepada blog rasmi Jabatan seperti:

1. Info Kesihatan Pergigian

Entri yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pencegahan, rawatan, pendidikan

kesihatan pergigian yang bermanfaat kepada masyarakat.

2. Laluan Kerjaya

Memberi maklumat tentang laluan kerjaya dalam bidang pergigian di Malaysia seperti Pegawai Pergigian, Juruterapi Pergigian, Juruteknologi Pergigian dan Pembantu Pembedahan Pergigian.

3. Infotainment

Memberi ruang untuk perkongsian ilmiah dengan lebih santai untuk menarik minat pembaca terutama golongan belia.

4. Perkhidmatan

- **Caj Rawatan**
Memberi maklumat terkini mengenai caj rawatan pergigian kepada warganegara dan bukan warganegara Malaysia.
- **Senarai Klinik**
Menyenaraikan klinik-klinik pergigian kerajaan yang beroperasi beserta alamat, nombor telefon dan jadual.



- Perkhidmatan Pakar
Menyenaraikan perkhidmatan
kepakaran yang berada di setiap
negeri.

5. Aktiviti

- Laporan Program Dan Aktiviti
Hebahan aktiviti-aktiviti Promosi
Kesihatan Pergigian yang dijalankan di
setiap negeri.
- Lain-Lain
Perkongsian aktiviti dalaman Bahagian
Kesihatan Pergigian Negeri yang telah
dijalankan seperti Hari Keluarga,
kursus dan latihan dalam
perkhidmatan.

Kriteria Mandatori

1. Memaparkan perkataan Blog Rasmi
Bahagian Kesihatan Pergigian (Negeri).
2. Meletakkan logo rasmi Kementerian
Kesihatan Malaysia dengan jelas.
3. Memaparkan pernyataan penafian

(disclaimer) terhadap sebarang
kerosakan sekiranya dialami oleh
pengguna semasa menggunakan blog.

4. Melantik Pegawai Penyelaras Blog
yang bertanggungjawab mengendalikan
blog.

5. Menggunakan domain
pergigian(negeri).blogspot.my
Contoh: pergigianperak.blogspot.my

6. Memaparkan perkataan "Hak Cipta
Terpelihara" di dalam blog.

7. Menyediakan pautan kepada
kandungan blog.

8. Menyediakan pautan kepada laman
web, Facebook dan Youtube Jabatan.

9. Menyediakan pautan kepada blog
Bahagian Kesihatan Pergigian negeri lain.



Pelaksanaan

1. Selang masa kemasukan blog
Selang masa antara kemasukan blog tidak boleh terlalu lama. Adalah digalakkan kemasukan sekurang-kurangnya satu (1) topik untuk setiap dua (2) minggu. Manakala bagi entri laporan aktiviti semasa boleh dimuatnaik mengikut kesesuaian.
2. Penetapan bagi tempoh respons
Jabatan diminta memberi respons kepada sebarang input pengguna yang memerlukan maklumbalas.
3. Tapisan input pengguna
Input dari pengguna blog perlu dipantau dan ditapis sebelum dipaparkan ke blog.

Pemantauan

1. Pemantauan perlu dibuat setiap 6 bulan.
2. Pemantauan dilakukan oleh Penyelaras Media Sosial.

3. Aspek pemantauan meliputi :

- Bilangan pelawat (pageview).
- Entri yang paling banyak dilawati.
- Taburan pelawat mengikut negara.

Larangan

Sebagai blog rasmi Jabatan, adalah dilarang mengandungi perkara-perkara berikut:

1. Iklan dan pautan kepada perkhidmatan komersil yang ditawarkan oleh pihak luar dan tidak berkaitan dengan Jabatan.
2. Maklumat rahsia dan isu-isu sensitif seperti perkauman, politik dan agama yang boleh menyentuh sensitiviti umum.
3. Kandungan yang menjejaskan imej Kerajaan
4. Kandungan yang bercanggah dengan dasar Kerajaan.
5. Kandungan berunsur fitnah, hasutan dan menyalahi undang-undang.



Tip-tip Pengurusan Blog Rasmi

Jabatan

1. Isi mestilah jelas dan mudah difahami. (antara 150-160 patah perkataan)
2. Penggunaan bahasa Inggeris adalah digalakkan bagi menarik pembaca seluruh dunia
3. Menggunakan label-label yang ringkas supaya mudah dicapai melalui hasil carian.
4. Pastikan blog tidak terlalu sarat dengan widget.
5. Bagi menggalakkan penglibatan anggota dalam penulisan blog, penyumbang artikel diberikan kredit MyCPD (B2- peringkat negeri) dan satu slot latihan tidak bersemuka kepada anggota yang menggunakan buku log.



PENGURUSAN AKAUN INSTAGRAM



Pengenalan

Instagram adalah satu aplikasi media sosial terkenal yang diperkenalkan oleh Kevin Systrom dan Mike Krieger pada 6 Oktober 2010. Aplikasi ini membolehkan pengguna aplikasi tersebut untuk memuatnaik foto dan video serta boleh menghubungkan akaun instagram dengan rangkaian sosial yang lain seperti Facebook dan Twitter. Selain itu, Instagram juga sering digunakan untuk tujuan pengiklanan produk dan perkhidmatan.

Oleh yang demikian, Bahagian Kesihatan Pergigian juga tidak boleh ketinggalan dan perlu mengikut trend terkini iaitu menggunakan medium Instagram sebagai pengantara kepada masyarakat. Ini adalah kerana kebanyakan pengguna Instagram terdiri daripada golongan gen-Y yang akan menjadi bakal perintis negara. Justeru itu, ini adalah satu langkah yang baik jika setiap Jabatan di peringkat negeri mempunyai akaun

Instagram agar dapat memberi informasi terkini kepada masyarakat.

Nama Akaun Instagram Jabatan

Nama akaun Instagram merupakan elemen terpenting dalam memperkenalkan jabatan kepada pengguna-pengguna laman sosial. Bagi menyeragamkan nama tersebut setiap jabatan perlu menggunakan nama yang sama iaitu:

1. Bagi setiap negeri, nama yang perlu digunakan ialah Pergigian Negeri (Nama Negeri)
2. Bagi Pusat Pergigian Kanak-kanak dan Kolej Latihan Pergigian Malaysia, nama yang perlu digunakan ialah Pusat Pergigian Kanak-kanak dan Kolej Latihan Pergigian Malaysia
3. Bagi setiap daerah atau bahagian, nama yang perlu digunakan ialah Pergigian Daerah (Nama Daerah / Bahagian/ Kawasan)



4. Bagi setiap klinik pergigian, nama yang perlu digunakan ialah Klinik Pergigian (Nama Klinik)

Gambar Profil

Setiap Jabatan perlulah menggunakan logo Jabatan masing-masing sebagai lambang kepada pemilik akaun tersebut.

Penggunaan Bahasa

Penggunaan dwibahasa (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) adalah dibolehkan agar maklumat yang ingin disampaikan lebih jelas, namun penggunaan Bahasa Malaysia adalah lebih diutamakan.

Penggunaan Hashtag (#)

Setiap gambar yang dimuatnaik perlu mempunyai hashtag berikut #pergigiankkm (WAJIB), #ohd (WAJIB) selain hashtag negeri masing-masing.

Pemilihan Bahan untuk Dimuatnaik

Pemilihan bahan yang ingin dimuat naik perlulah sesuai mengikut maklumat yang ingin disampaikan. Pemilihan bahan adalah

lebih tertumpu kepada pengenalan fasiliti pergigian, perkhidmatan yang diberikan, aktiviti promosi / program, dan informasi pergigian.

Panduan Pemilihan Foto, Video dan Informasi Aktiviti Promosi

1. Sebarang aktiviti promosi kesihatan pergigian yang rasmi sahaja di peringkat daerah / klinik digalakkan untuk dimuatnaik ke laman media sosial Instagram bahagian kesihatan pergigian negeri.
2. Hadkan kepada 3 foto / video untuk setiap aktiviti yang dijalankan.
3. Pemilihan foto / video adalah berdasarkan kriteria berikut:
 - Foto / video yang menunjukkan pelaksanaan program / aktiviti secara professional. Contoh: gambar pemberian ceramah, aktiviti pameran semasa pengunjung di meja pameran, latihan memberus gigi beramai-ramai



- Foto / video hendaklah disertakan dengan penerangan yang mengandungi nama program / aktiviti, tarikh, masa, tempat dan tetamu yang menghadirinya.
- Foto / video yang boleh meningkatkan imej Jabatan.
- Foto / video yang boleh menggalakkan perbincangan serta percambahan idea kreatif dan inovatif.
- Foto / video yang dapat mempromosikan inisiatif kerajaan.
- Kualiti foto / video hendaklah jelas.
- Jika memaparkan gambar pesakit, hendaklah mendapat kebenaran dari pesakit tersebut terutamanya semasa pemeriksaan / saringan mulut
- Pemakaian pakaian yang bersesuaian semasa aktiviti dijalankan. Contohnya semasa pemeriksaan pergigian dijalankan, perawat perlu mengenakan PPE (personal protective equipment) yang memenuhi spesifikasi kawalan jangkitan silang.

4. Foto / video yang Perlu Dielakkan adalah seperti berikut:

- Foto / video yang tidak sesuai dan tidak berkaitan dengan program / aktiviti pergigian. Contoh: program ceramah tetapi foto menunjukkan pegawai menikmati jamuan.
- Foto / video yang boleh menjejaskan imej dan etika pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Foto / video yang diambil dari sudut yang tidak sesuai. Contoh: foto pegawai dari arah belakang.
- Foto / video lokasi tanpa kehadiran pegawai, contoh: bilik seminar yang kosong.
- Foto yang berulang-ulang. Contoh: beberapa foto yang menunjukkan imej dan lokasi yang sama.
- Kualiti foto / video yang tidak memuaskan (tidak jelas).
- Foto staf berswafoto / bergambar beramai-ramai.
- Foto kumpulan sasaran yang sensitif seperti OKU




(Orang Kurang Upaya) melainkan mendapat kebenaran ibu / bapa / penjaga.

- Foto pelanggan yang memakai pakaian yang kurang sopan.

Tip-tip Pengurusan Akaun Instagram Jabatan

1. Memberi banyak like kepada pengguna-pengguna Instagram yang lain supaya pengguna-pengguna mengetahui kewujudan profile kita.
2. Memberi komen-komen pada gambar.
3. Cara penulisan yang menarik.
4. Memuat naik gambar secara berkala tetapi tidak terlalu kerap.
5. Memuat naik gambar / video pada waktu yang bersesuaian.
6. Menggunakan hashtag(#) yang menarik.



PENYEDIAAN LAPORAN MEDIA SOSIAL RASMI

Penyediaan laporan media sosial rasmi bagi setiap Jabatan adalah sangat penting dalam menentukan hala tuju promosi kesihatan pergigian melalui media sosial. Melalui laporan ini juga, sebarang kelemahan dan kekuatan dapat dikenal pasti. Antara aspek-aspek penting dalam penyediaan laporan adalah :

1. Dibentangkan oleh penyelaras media sosial di Mesyuarat pengurusan dua kali setahun:

- Setiap Januari-Jun
- Setiap Julai-Disember

2. Laporan hendaklah disertakan pencapaian bilangan likes, followers dan posts bagi setiap akaun media sosial milik Jabatan.



PENUTUP

Gaya hidup masyarakat kini telah berubah ke arah yang lebih maju. Segala informasi dan maklumat kini di hujung jari dan lebih mudah disampaikan terutamanya melalui platform media sosial yang semakin berleluasa. Oleh itu, pengurusan media sosial yang baik adalah sangat penting terutamanya dalam promosi Kesihatan Pergigian. Sehubungan dengan itu, diharapkan agar buku kecil ini dapat membantu Pegawai-pegawai Media Sosial dalam menguruskan akaun-akaun media sosial dengan lebih baik dan efektif.



RUJUKAN

1. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan, KKM bertarikh 31 Mac 2016: Garis Panduan Media Sosial Dalam Perkhidmatan Penjagaan Pesakit di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia.
2. Surat Edaran JPA bertarikh 7 Jun 2013: Tanggungjawab Pegawai Awam Dalam Memelihara Integriti Perkhidmatan Awam Semasa Menggunakan Kemudahan Media Sosial Di Internet.
3. Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 8 April 2011: Amalan Terbaik Penggunaan Media Jaringan Sosial di Sektor Awam.
4. Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 19 November 2009: Penggunaan Media Jaringan Sosial di Sektor Awam.
5. Tataetika Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Penjawat Awam KKM 2016.



PENGHARGAAN

Penasihat :

Datuk Dr Noor Aliyah Ismail
Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Penyumbang :

1. Dr Nomah Taharim
2. Dr Ruslan Dato Sulaiman
3. Dr Sharol Lail Sujak
4. Dr Siti Nur Baiduri Mohd Jaini
5. Dr Mas Linda Mohd Osman
6. Dr I'udzuri Md Jazam
7. Dr Khairul Fikri Sebri
8. Dr Muhammad Hisyam Zainal Abidin
9. Dr Nur Ainaa Hamzah
10. Dr Nur Fatihah Zulkifli
11. JP Baaiyah Mohd Arif
12. Dr Shamsuhaili Fazil
13. Dr Hu Xue Han
14. KJP Roslinawati Said
15. Dr Puteri Maizura Megat Tajuddin
16. Dr Norizan Mohd Ardani
17. KJP Afiza Ishak
18. Dr Nurkurshiah Hj Selamat
19. Dr Nurfazlina Rosman
20. JP Maizaitunakma Sulaiman
21. Dr Fazeyanah Sabaran
22. Dr Masliana Abd Halim
23. Dr Siti Nadhirah Mohd Said
24. JP Siti Nurzafirah Mizlan
25. Dr Noor Ashiqin Samsi
26. JP Afrah Mohd. Danial
27. JP Ime Nurliyani Radin Yusoff
28. Dr Harlina Ali Hanafiah
29. KJP Hanizah Mohd Nor
30. Pn Siti Aminah Ahmad Zaidi
31. Dr Ahmad Shah Afendy Mohamed Khalid
32. Dr Akmal Khalis Doreyat
33. JP Nur Farhana Badri
34. En Mohamad Hafiz Abdullah
35. Dr Nurulhuda Mohd Mokhtar @ Ahmad
36. Dr Ahmad Syahir Ahmad Zu Safiuddin
37. JP Nurul Ain Ramly
38. Dr Nurul Asykin Muhamad Noor Azlan
39. KJP Suzana Yahya
40. Dr Effarah Izun Ab. Jabar
41. Dr Abdul Mueiz Samat @ Darawi
42. Dr Wan Syaida Wan Zakkhry
43. Dr Muhammad Naim Sein
44. Dr Muhammad Hamidie Saari
45. PJP Ean Soo Tim
46. Dr Stephanie Mok
47. KJP Cassia Lim Wai Shiang
48. JP Habsah Othman
49. Dr Adelina Akan
50. JP Raine Mastul
51. En Saimon Gani
52. Dr Safwanah Muhamad Nor
53. Dr Azma Hayati Mahamad Aziz
54. KJP Vendy Lok

PENGHARGAAN

55. Dr Muhamad Faris Muhamad Noor
56. KJP Umi Khairul Abdul Kadir

57. Dr Nor Fatimah Syahraz Abdul Razakek
58. KJP Azirah Muhammad

Serta semua pihak yang terlibat
secara langsung atau tidak langsung
dalam menjayakan buku ini.



